

SULIT

NAMA :

TINGKATAN :



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI PERAK

MODUL INTERVENSI
MENENGAH ATAS 2026

SEJARAH
KERTAS 1 (1249/1)
1 JAM

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. *Kertas modul ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **SATU** jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Modul ini mengandungi **12** halaman bercetak

- 1 Kesultanan Melayu Melaka mengamalkan Sistem Pembesar Empat Lipatan.

Apakah jawatan yang menyamai peranan Perdana Menteri masa kini?

- A Penghulu Bendahari
- B Temenggung
- C Laksamana
- D Bendahara

- 2 Rajah berikut berkaitan hubungan timbal balik semasa Kesultanan Melayu Melaka.

Rakyat yang menderhaka kepada raja akan terkena tulah

Bagaimana rakyat boleh mengelakkan diri daripada kecelakaan tersebut?

- A Menjaga kebajikan kerajaan
- B Mematuhi arahan pemerintah
- C Memelihara kemakmuran negara
- D Mewujudkan persefahaman rakyat

- 3 Mengapakah peristiwa berikut tercetus di England?

Tahun	1688
Peristiwa	Revolusi Keagungan

- A Melindungi golongan bangsawan
- B Menegakkan kedaulatan parlimen
- C Membentuk negara bangsa moden
- D Mempertahan sistem demokrasi

- 4 Bagaimanakah tokoh berikut berperanan dalam membangkitkan kesedaran nasionalisme dalam kalangan masyarakat di negara kita pada awal abad ke-20?

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Abdul Rahim Kajai• Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba) |
|---|

- A Menghasilkan karya kreatif
- B Membentuk parti politik
- C Mewujudkan persatuan
- D Mengasaskan gerakan revolusi

5 Mengapakah Jepun menyerang Pearl Harbour pada tahun 1941?


- A Memperjuangkan hak penduduk asal
- B Mengekalkan kemerdekaan tanah air
- C Menghalang kemaraan kuasa Barat
- D Menyekat kebangkitan anti-penjajah

6 Kekejaman tentera Jepun serta kesengsaraan hidup semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah mencetuskan penentangan penduduk.

Apakah cara penentangan tersebut?

- A Membentuk Gerakan Fi-Sabilillah
- B Meminta bantuan tentera Komanwel
- C Membantu pasukan Pengawal Kampung
- D Menubuhkan Rejimen Askar Melayu


7 Maklumat berikut berkaitan bentuk pentadbiran di Tanah Melayu pada tahun 1946.



Apakah X?

- A Majlis Perundangan Persekutuan
- B Persekutuan Tanah Melayu
- C Pentadbiran Tentera British
- D Malayan Union

8 Maklumat berikut berkaitan dengan pemimpin Rukun 13 di Sarawak.



Apakah matlamat kumpulan tersebut?

- A Menghapuskan pegawai tinggi British
- B Menolak Perlembagaan Rakyat
- C Memelihara hak peribumi
- D Menuntut kemerdekaan

SULIT
[LIHAT HALAMAN SEBELAH]

- 9 Mengapakah PUTERA-AMCJA menolak Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Ketidadaan wakil dalam jawatankuasa
 - B Menghakis kuasa pembesar tempatan
 - C Kekuatan desakan golongan anti penjajah
 - D Menafikan hak istimewa penduduk peribumi
- 10 Maklumat berikut adalah ciri-ciri pentadbiran yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu.

- Pesuruhjaya Tinggi British mengetuai kerajaan Persekutuan
- Sultan bertanggungjawab mengesahkan rang undang-undang dalam Dewan Perundangan Negeri

Apakah pentadbiran tersebut?

- A Gagasan Malayan Union 1946
 - B Persekutuan Tanah Melayu 1948
 - C Persekutuan Tanah Melayu 1957
 - D Pembentukan Malaysia 1963
- 11 Berikut adalah tindakan yang dilakukan oleh pengganas komunis di Tanah Melayu.

- Merosakkan ladang getah
- Mengganggu kerja di lombong
- Merosakkan landasan kereta api

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan?

- A Memiliknegarakan sektor perusahaan
 - B Menyusun semula sistem pemilikan
 - C Menentang amalan buruh paksa
 - D Melemahkan imej kerajaan
- 12 Di bawah Undang-Undang Darurat yang dikuatkuasakan pada tahun 1948, kerajaan berkuasa
- I menahan sesiapa yang disyaki terlibat dengan pergerakan komunis
 - II mengenakan hukuman mati terhadap sesiapa yang membawa senjata api
 - III mempelbagaikan tanaman makanan untuk menjamin makanan mencukupi
 - IV menghantar pulang kaum imigran bagi mengelakkan sifat perkauman
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SULIT
[LIHAT HALAMAN SEBELAH]

- 13 Maklumat berikut berkaitan dengan pertubuhan politik di Tanah Melayu.

Tahun	Pertubuhan
1938	Kesatuan Melayu Muda (KMM)
1945	Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)

Apakah persamaan matlamat perjuangan pertubuhan tersebut?

- A Memperjuangkan “Merdeka dengan Darah”
 - B Merdeka melalui konsep Melayu Raya
 - C Mengutamakan slogan Hidup Melayu
 - D Menekankan idea “Tanah Melayu untuk Malayan”
- 14 Jawatan Kuasa Hubungan Antara Kaum ditubuhkan pada Januari 1948.

Apakah objektif yang hendak dicapai melalui penubuhan jawatankuasa tersebut?

- I Mengukuhkan ekonomi negara
- II Mewujudkan keadaan harmoni
- III Mengkaji hubungan kaum
- IV Menyelesaikan isu pergaduhan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 15 Mengapakah pilihan raya umum pertama Tanah Melayu pada tahun 1955 diadakan?

- I Mengawal pemberian kerakyatan kepada orang asing
- II Memperkukuh kerjasama rakyat dalam politik
- III Mempercepat proses kemerdekaan tanah air
- IV Menghalang kemasukan kaum imigran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 16 Kabinet pertama dibentuk selepas pilihan raya umum di Tanah Melayu pada tahun 1955.
Mengapakah pembentukan kabinet tersebut penting?
- A Menyekat pengaruh komunis
 - B Memperkukuh kesetiaan rakyat
 - C Membuktikan penyatuan parti politik
 - D Memperjuangkan pentadbiran tempatan
- 17 Apakah isu yang menjadi terma rujukan Suruhanjaya Perlembagaan dalam merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- A Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan
 - B Mewujudkan sebuah kerajaan negeri yang kuat
 - C Mengekalkan pemerintahan raja berkuasa mutlak
 - D Mengukuhkan kedudukan rakyat pelbagai kaum
- 18 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- I Pegawai British menasihati raja dalam pentadbiran
 - II Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan
 - III Agama Islam sebagai agama Persekutuan
 - IV Sultan menjadi ahli majlis Perundangan Persekutuan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 19 Apakah prinsip kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka?
- I Sistem monarki
 - II Wilayah pengaruh
 - III Lambang kebangsaan
 - IV Hubungan diplomatik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SULIT
[LIHAT HALAMAN SEBELAH]



20 Mengapakah peristiwa kemerdekaan negara kita dianggap unik dan dikagumi oleh pemimpin dunia?


- I Pertumpahan darah tidak berlaku
- II Permuafakatan dan rundingan dilaksanakan
- III Perkembangan ekonomi berasaskan kerohanian
- IV Penamatan dasar konfrontasi dengan negara luar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

21 Konsep kedaulatan tradisional merujuk kepada

- A raja memiliki kuasa tertinggi
- B perkongsian kuasa pemerintahan
- C pengiktirafan badan antarabangsa
- D rakyat berhak menentukan pentadbiran

22 Rajah berikut berkaitan dengan ciri negara berdaulat.



Apakah X?

- A Keagamaan
- B Perundangan
- C Warisan budaya
- D Hubungan diplomatik

23 Apakah tujuan Charter of Justice diperkenalkan oleh British di Negeri-negeri Selat?

- A Melicinkan pentadbiran
- B Mewujudkan kerjasama
- C Melindungi penduduk
- D Menjimatkan kewangan

- 24 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah dipinda selepas pembentukan Malaysia.
- Apakah tujuan pindaan tersebut?
- A Memasukkan klausa baharu
 - B Mengelakkan ancaman komunis
 - C Membahagikan kerusi Parlimen
 - D Mengukuhkan kuasa Yang di-Pertuan Agong
- 25 Pernyataan yang manakah benar berkaitan kuasa eksekutif Yang di-Pertuan Agong?
- A Meminda perlembagaan
 - B Melantik diplomat negara
 - C Menentukan tarikh pilihan raya
 - D Meluluskan undang-undang negeri
- 26 Malaysia mengamalkan Sistem Demokrasi Berparlimen sejak merdeka.
- Apakah perkara yang berkaitan dengan sistem tersebut?
- A Monarki berkuasa mutlak mengetuai pentadbiran
 - B Rakyat terlibat dalam pemerintahan negara
 - C Majlis Raja-Raja menggubal perlembagaan
 - D Badan kehakiman meluluskan undang-undang
- 27 Perlembagaan Persekutuan memberikan kuasa tambahan di bawah Senarai Negeri kepada Sarawak dan Sabah.
- Apakah kuasa tambahan tersebut?
- A Pertahanan
 - B Hak kewarganegaraan
 - C Undang-undang Islam
 - D Mahkamah Anak Negeri
- 28 Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berusaha untuk membolehkan golongan pertengahan memiliki rumah kediaman.
- Bagaimanakah kedua-dua kerajaan mencapai matlamat tersebut?
- A Memperbanyak pembinaan rumah mampu milik
 - B Menyekat pembinaan kawasan perumahan mewah
 - C Menyediakan pinjaman perumahan tanpa faedah
 - D Melarang warga asing membeli rumah di Malaysia

- 29 Sebelum idea gagasan Malaysia muncul, telah ada idea lain yang ingin menggabungkan bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara.

Apakah idea tersebut?

- A Asia Timur Raya
- B Asia untuk Asia
- C Melayu Raya
- D Malai Baru

- 30 Pegawai British berikut mencadangkan idea pembentukan Malaysia.

- Lord Brassey
- Malcolm MacDonald
- Geofroy Tory

Mengapakah mereka mencadangkan pembentukan Malaysia?

- I Meredakan tekanan
- II Memperkukuh kuasa
- III Memanfaatkan potensi ekonomi
- IV Memperkasa keselamatan wilayah

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 31 Maklumat berikut berkaitan perubahan politik di Indonesia.

Tahun	30 September 1965
Peristiwa	Peralihan kuasa kepada Jeneral Suharto

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap Malaysia?


- A Perubahan sempadan negara
- B Pengaruh komunis meluas
- C Dasar konfrontasi tamat
- D Sistem beraja berakhir

32 Apakah cabaran dalaman yang dihadapi selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963?

- I Perpaduan kaum
- II Pembangunan ekonomi
- III Pemerintahan parti politik
- IV Pemupukan semangat kenegerian

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

33 Rajah berikut berkaitan kaedah kerajaan menangani ancaman komunis di Sarawak.



Apakah kaedah X?

- A Perang Saraf
- B Perintah berkurung
- C Pengisytiharan darurat
- D Pembesaran pasukan keselamatan

34 Dasar Pembangunan Nasional (DPN) bermatlamat untuk mencapai perpaduan melalui pengagihan kekayaan negara.

Bagaimanakah hasrat tersebut dapat dicapai?

- A Melaksanakan ekonomi kawalan
- B Memantau pengurusan kewangan negara
- C Mengimbangi pembangunan antara negeri
- D Mengawal kenaikan kadar inflasi

35 Bagaimanakah Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) berjaya melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera?

- A Meramaikan golongan peneroka
- B Menggalakkan pemilikan saham amanah
- C Membentuk kelas bumiputera komersial
- D Menubuhkan agensi pembangunan tanah

36 Apakah faktor yang mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia?

- A Pendirian pertubuhan serantau
- B Kepentingan ekonomi negara
- C Keperluan ketenteraan
- D Pengaruh kuasa besar

37 Malaysia telah menjayakan misi pengaman anjuran PBB di negara berkonflik berikut.

- Congo (Afrika)
- Kemboja (Asia)
- Bosnia dan Herzegovina (Eropah)

Antara berikut, yang manakah tugas misi di negara tersebut?

- I Membantu pentadbiran
- II Mengadakan perjanjian
- III Mengawasi senjata
- IV Mendaulkan undang-undang

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

38 Maklumat berikut berkaitan pertubuhan antarabangsa.

- Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)
- Setiausaha Agung pertama ialah Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj

Apakah matlamat pertubuhan tersebut?

- A Menyelesaikan konflik serantau
- B Mengukuhkan pakatan ketenteraan
- C Menjayakan misi pegawai pemerhati
- D Menjaga kepentingan negara anggota

SULIT
[LIHAT HALAMAN SEBELAH]



39 Malaysia telah memperkenalkan Anugerah Langkawi mulai tahun 1991.

Apakah tujuan anugerah tersebut diperkenalkan?

- A Memperakui sumbangan dalam isu keamanan
- B Menghargai sumbangan dalam bidang alam sekitar
- C Menggalakkan pelibatan dalam sektor teknologi
- D Mengiktiraf penyertaan dalam aktiviti kemanusiaan

40 Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara telah ditandatangani pada 1995.

Bagaimanakah Malaysia menunjukkan komitmen terhadap perjanjian tersebut?

- A Melarang membina loji penapisan
- B Menutup laluan perdagangan antarabangsa
- C Memutuskan hubungan dengan negara pengeluar
- D Menghalang sebarang latihan di perairan negara

MODUL SOALAN TAMAT

